

18 Julai 2012

## Kuartet malu besar!



Kuartet Malaysia yang memenangi emas 4x400m Sukan SEA di Jakarta, tahun lalu.

### Zolkples sah insentif RM20,000 pasukan 4x400m ditarik balik

Kuala Lumpur: MAJLIS Sukan Negara (MSN), semalam mengesahkan insentif RM20,000 kepada kuartet 4x400 meter lelaki negara yang disahkan positif doping ditarik balik serta merta.

Ketua Pengaruhnya, Datuk Zolkples Embong berkata kuartet berkenaan - Mohd Yunus Lasalleh, Sehzuan Ahmad Rosely, P Yuvaraaj dan S Kannathasan - tidak layak diberikan ganjaran itu selepas menerima keputusan Persekutuan Sukan SEA (SEAGF).

*"Apabila pingat ditarik balik, saya tidak hairan, malah, sebenarnya sudah menjangkakan,"* - Datuk Zolkples Embong, Ketua Pengarah MSN

Apapun, dia menambah, MSN tiada kuasa mengenakan hukuman kepada atlit berkenaan dan menyerahkannya kepada persatuan mengambil tindakan susulan.

*"Apabila pingat ditarik balik, saya tidak hairan, malah, sebenarnya sudah menjangkakan,"* kata Zolkples, semalam.

SEAGF yang bermesyuarat di Myanmar, Sabtu lalu melucutkan tiga pingat - dua emas dan satu gangsa - yang dimenangi kuartet 4x400m lelaki Malaysia, atlit sukan kempo dari Indonesia dan Firdaus Abdul Razak dari sukan angkat berat Malaysia, semuanya kerana positif doping.

Keputusan itu disahkan Setiausaha Kehormat Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Datuk Sieh Kok Chi yang menghadiri mesyuarat berkenaan. Namun, tiada sebarang tindakan dikenakan ke atas semua atlit terbabit kerana SEAGF hanya berkuasa melucutkan pingat dan bukan menjatuhkan hukuman.